

— MINDA —  
**MAQASID**



## 1.

## APAKAH DEFINISI MINDA MAQASID?

Menurut al-Raysuni "Minda Maqasid ialah pemikiran yang berasaskan Maqasid Syariah tertegak atas kaedah-kaedahnyanya dan membuahkan pelbagai faedah".



## 2.


## APAKAH ASAS-ASAS PEMBENTUKAN MINDA MAQASID?

Memahami hukum-hakam yang dijelaskan oleh nas syarak

Menjadikan maqasid syariah sebagai 'tools' atau alat untuk mempertimbangkan sesuatu perkara dari semua aspek dan bukannya dalam bidang syariah semata-mata.

Kefahaman yang jelas dan mendalam mengenai maksud maqasid syariah, asas dan intipatinya.


Memahami dan menyakini bahawa setiap hukum hakam yang ditetapkan dalam Islam mempunyai objektif untuk dipenuhi.



# 3.

## BAGAIMANA MEMBINA MINDA MAQASID SYARIAH?

Al-Raysuni telah menggariskan empat kaedah dalam membina minda maqasid syariah iaitu:-



### i. 'Illah (sebab), tujuan dan masalah di sebalik pensyariatan.

- Secara asasnya, minda maqasid terbina di atas pemahaman bahawa setiap pensyariatan yang ditetapkan oleh Allah mempunyai 'illah (sebab), objektif dan kemaslahatannya. Ia disebut secara jelas atau secara tidak langsung dalam ayat-ayat al-Quran dan Hadith.

*Contoh: Pemberian nafkah kepada anak-anak oleh suami setelah berlaku perceraian.*

### ii. Penentuan objektif pensyariatan berasaskan dalil

- Setiap tujuan pensyariatan terhadap sesuatu perkara hendaklah didasari dengan dalil-dalil yang kuat daripada nas-nas syarak. Pendalilan tidak terhad kepada satu nas sahaja dan ianya perlu diperhalusi daripada semua sumber pensyariatan dari sudut teks dan konteksnya.

*Contoh: Hukum pengharaman meminum arak.*

### iii. Mengenalpasti antara masalah (kebaikan) dan mafsadah (keburukan)

- Setiap perkara disusun mengikut keutamaan dan tidak bercampur aduk antara satu perkara dengan yang lain. Dalam memahami konsep maqasid syariah, ia berkisar kepada memelihara masalah (kebaikan) dan mengelakkan mafsadah (keburukan).

*Contoh: setiap pemandu dikehendaki mematuhi undang-undang jalan raya. Namun, apabila berlaku kecemasan, seorang pemandu ambulans diberi keutamaan untuk dikecualikan daripada mematuhi undang-undang jalan raya demi menyelamatkan nyawa seorang pesakit.*

#### iv. Membezakan antara objektif dan wasilah (kaedah)

- ☀ Dalam ketetapan sesuatu hukum, suruhan atau larangan untuk melaksanakan sesuatu perkara adalah wasilah (kaedah) untuk mencapai objektif tertentu.

*Contoh: Mengetahui sesuatu hukum adalah jalan untuk menunjukkan ketaatan kepada Allah dan ia adalah wasilah (kaedah) untuk mencapai objektif utama iaitu untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah dan keredaannya.*

## 4.

### MENGAPA KITA PERLU BERFIKIR CARA MAQASID SYARIAH?

- ☀ Dapat melatih diri untuk berfikir apa matlamat akhir yang ingin dicapai untuk kepentingan dunia dan akhirat.

*Contoh: Apa jua strategi atau tindakan yang dirancang melangkaui batas waktu yang ada akan memberikan pelaksanaan sesuatu tindakan bersifat berterusan dan dapat mengekalkan kelangsungan (sustainability) yang berpanjangan.*

- ☀ Membentuk peribadi yang mulia kerana setiap tindakan yang diambil, tidak mementingkan kerakusan hawa nafsu dan dapat mengelakkan semua salah laku dalam pengurusan serta pentadbiran.

*Contoh: Seseorang pekerja perlu telus dalam menyerahkan tender projek kepada pihak yang bekelayakan dengan menolak unsur-unsur seperti rasuah dan kepentingan peribadi.*

- ☀ Membantu menyelesaikan sesuatu konflik yang melibatkan isu etika.

*Contoh: Seseorang pekerja melakukan salah laku perlu diberikan nasihat dan teguran dan bukannya terus menjatuhkan hukuman tanpa meneliti sebab-sebabnya.*



## 5.

### APA YANG DIPERLUKAN UNTUK KITA MEMBINA MINDA MAQASID?

Sentiasa merujuk kepada mereka yang berkepakaran dalam bidang syariah.

Merujuk bahan bacaan yang berkaitan dan bermanfaat.

Sentiasa berdiskusi untuk mencambah minda dalam memahami aspek syariah untuk dipraktikkan.

## 6.

### BAGAIMANA KITA HENDAK BERFIKIR CARA MAQASID SYARIAH?

#### i. Penentuan objektif dalam perancangan dan pengurusan strategik

- ❁ Al-Raysuni menjelaskan objektif pensyariaan boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu objektif umum, objektif separa dan objektif khusus. Objektif umum adalah objektif yang luas, kuat dan thabit (kukuh) dibina atas paksi pensyariaan Islam. Objektif separa dan objektif khusus merujuk kepada perintah sesuatu pelaksanaan hukum yang lebih spesifik. Kaedah ini menjadi cerminan dalam membentuk pemikiran yang berstrategik dalam perancangan dan pengurusan.
- ❁ Contoh: Sesebuah organisasi perlu mempunyai penetapan suatu matlamat yang jelas oleh pihak pengurusan tertinggi dan pihak-pihak lain dalam organisasi tersebut supaya organisasi tersebut mempunyai matlamat yang sama untuk direalisasikan.

## ii. Pemeliharaan lima elemen masalah dalam pelaksanaan

- ❁ Bagi mencapai objektif berlandaskan syarak yang telah ditentukan, ia perlu direalisasikan melalui pemeliharaan lima elemen masalah iaitu pemeliharaan Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan harta.
- ❁ Contoh: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan dalam membendung penularan Covid-19 dalam negara sebenarnya telah memenuhi lima elemen masalah dalam Maqasid Syariah.

## iii. Pertimbangan masalah dalam pembuatan keputusan

Menurut al-Buti, pertimbangan masalah dalam membuat keputusan adalah dengan mengikut keutamaan merujuk kepada perkara-perkara yang berikut:-

### (a) *Masalah mengikut tahap kekuatan sesuatu perkara.*

- ❁ Contoh: mencari pekerjaan yang baik untuk menjana pendapatan daripada sumber yang halal demi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

### (b) *Masalah mengikut tahap kesannya kepada jumlah golongan sasaran. Implikasi masalah kepada golongan awam lebih diutamakan daripada implikasinya kepada sekelompok komuniti.*

- ❁ Contoh: Peniaga menaikkan harga barang untuk memenuhi kepentingannya tetapi kerajaan berhak mengawal harga barang seperti harga makanan dan ubat-ubatan menurut nasihat pakar ekonomi dan ahli lain yang selayaknya demi memelihara kemaslahatan orang awam.

### (c) *Masalah mengikut tahap implikasi apabila dilaksanakan. Sesuatu perkara itu hendaklah diyakini dapat memberi kebaikan yang lebih besar berbanding kemudaratanya.*

- ❁ Contoh: Dalam pembangunan sesebuah polisi, kajian yang lebih mendalam dapat membantu memastikan sama ada sesuatu polisi itu akan memberikan kesan baik yang lebih besar atau sebaliknya.

# 7.

## SEJAUH MANAKAH MINDA MAQASID SYARIAH BOLEH DILAKSANAKAN DALAM TADBIR URUS NEGARA?

Setiap polisi dan dasar kerajaan yang telah dibangunkan diselaraskan dengan kepentingan memelihara lima elemen masalah iaitu menjaga Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.

Setiap dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan menunjukkan satu proses yang progresif ke arah mencapai sebuah negara maju. Justeru itu, pentadbiran negara menekankan nilai dan etika penjawat awam demi meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan negara.

Tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah diperkenalkan untuk diaplikasikan bukan sahaja kepada penjawat awam, tetapi ia perlu diterapkan dalam keseluruhan dasar dan polisi negara secara optimum demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat.



## 8.

## APAKAH KEBAIKAN YANG DIPEROLEHI DARIPADA PENGAPLIKASIAN MINDA MAQASID SYARIAH DALAM TADBIR URUS NEGARA ?

### Fleksibiliti

mempunyai pelbagai ruang melalui ijtihad pemerintah setelah merujuk kepada al-Quran dan sunnah dalam urusan pentadbiran sejajar dengan kemaslahatan.

### Berpandangan jauh

Para pentadbir akan sentiasa berpandangan jauh dalam menimbang antara tahap kemaslahatan dan kemudharatan.

### Kesempurnaan

Elemen maqasid syariah bersifat sempurna dan menyeluruh dalam mencapai kebaikan dan mengelakkan kemudharatan

